

01 FEB 2002

Mahathir-Parlimen

ANGGOTA PARLIMEN UNTUK PUTRAJAYA PADA P/RAYA AKAN DATANG

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Putrajaya akan diwakili oleh seorang Anggota Parlimen pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Akan ada seorang MP (Anggota Parlimen) pada mulanya. Tapi kalau dah penduduk sampai 350,000 orang, MP kena ada tambahan," kata Perdana Menteri selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau menjangkakan Putrajaya akan mempunyai kira-kira 350,000 penduduk pada masa akan datang.

Kepada satu soalan, beliau berkata Putrajaya akan mendapat seorang Datuk Bandar selepas penduduk di situ bertambah.

Mengenai perancangan akan datang, Dr Mahathir berharap pusat persidangan antarabangsa siap sebelum mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tahun depan.

Begitu juga boulevard dari Masjid Putra ke pusat persidangan sejauh lebih empat kilometer, termasuk bangunan Kementerian Kewangan, Palace of Justice dan pelbagai lagi, katanya.

"Saya selalu pusing (melawat sekeliling) tengok kerja yang dibuat. Ini adalah satu pencapaian kejuruteraan terbesar oleh rakyat Malaysia. Merekalah yang membentuk bandar ini dan juga melaksanakannya, cuma pekerja sahaja tak ramai orang Melayu," katanya.

Ditanya mengenai "budaya menyenggara" di Putrajaya, Dr Mahathir berkata beliau belum berpuas hati tetapi daripada apa yang dilihatnya sekarang, ia lebih baik berbanding di tempat lain.

Dalam ucapannya sebelum itu, Perdana Menteri berkata jika mengenang kembali pembangunan Putrajaya sehingga hari ini, kerajaan tentunya akan merasa bangga dan puas walaupun pada peringkat awal, negara sedang menempuh kegawatan ekonomi, politik yang tidak menentu dan tohmahan serta fitnah daripada pihak tertentu kerana kononnya ia membazir.

"Kita berasa yakin dengan kebolehan yang ditunjukkan oleh semua kontraktor, pemaju dan juga pentadbir yang telah dilantik untuk membangunkan Putrajaya seterusnya ini," katanya.

Keunikan seni bina yang digabungkan dalam pembinaan Putrajaya bertujuan untuk mempromosikannya sebagai sebuah destinasi pelancongan dalam kalendar pelancongan negara selain sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Azizan Zainul Abidin dalam ucapannya berkata pembinaan pejabat kerajaan di Putrajaya berjalan lancar.

Menurutnya seluas 10,108,248 kaki persegi ruang pejabat telah siap dibina manakala 16,284,785 kaki persegi ruang pejabat lagi sedang dalam pembinaan.

"Hingga akhir bulan lepas, enam kementerian merangkumi 19 buah jabatan telah berpindah ke Putrajaya dan mengikut jadual perancangan yang dipercepatkan, proses pemindahan kesemua kementerian yang dirancang berpindah ke Putrajaya akan selesai pada penghujung 2005," katanya.

Beliau berkata sebanyak 5,295 unit kediaman telah siap dibina manakala 10,736 unit lagi sedang dalam pembinaan dan setakat ini bilangan penduduk Putrajaya berjumlah kira-kira 20,000 orang.

Azizan berkata pada hujung 2005, bilangan unit kediaman akan meningkat kepada 35,957 dan bilangan penduduk dijangka bertambah kepada 160,000

orang.

-- BERNAMA
SHS AFY LAT